



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 NOVEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 15 November 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,551 kes** (2,455,767 kes kumulatif, 96.2%);
- Kes baharu : **5,143 kes** (2,551,452 kes kumulatif);
- Kes import : **13 kes** (8 warganegara; 5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,130 kes** [4,923 warganegara (96.0%); 207 bukan warganegara (4.0%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **526 kes** (474 kes disahkan COVID-19 ; 52 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **250 kes** (192 kes disahkan COVID-19 ; 58 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,843 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **3 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,593 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **250 kluster**.

Daripada **5,143 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **126 kes (2.4 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **5,017 kes (97.6 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang

diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

15 November 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 14 NOVEMBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.20
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.05
<b>SELANGOR</b>	1.04
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.02
<b>PAHANG</b>	1.02
<b>KELANTAN</b>	1.01
<b>JOHOR</b>	0.99
<b>SABAH</b>	0.98
<b>KEDAH</b>	0.97
<b>MELAKA</b>	0.97
<b>PULAU PINANG</b>	0.97
<b>PERAK</b>	0.95
<b>TERENGGANU</b>	0.92
<b>SARAWAK</b>	0.86
<b>PERLIS</b>	0
<b>WP LABUAN</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.05</b>